



DR Mohd Fairusham (dua dari kiri) bersama pelajarannya memegang anugerah yang dimenangi.

## Mampu kesan kebocoran paip, curi air dengan mudah

**Pekan:** Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya membangunkan sebuah inovasi mampu mengurangkan situasi Air Tidak Berhasil (NRW) yang menyebabkan negara mengalami kerugian besar.

Menerusi inovasi dibangunkan penyelidik daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP, ia mampu mengesan kebocoran paip atau kecurian air dengan mudah dan murah sekali gus bakal memberi manfaat kepada syarikat be-

kalan air.

Penyelidikan itu diketuai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah) Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP Ir Dr Mohd Fairusham Ghazali dibantu pelajarannya, Muhammad Hanafi Yusop, Mohd Fadlan Mohd Yusoff, Muhammad Aminuddin Pi Remli dan Abdul Malik Awang Hamat.

Mohd Fairusham berkata, penyelidikan inovasi itu bermula sejak 2012 dan pihaknya kini dalam proses mengujinya dengan kerja-

sama Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) sebelum ia boleh dipasarkan untuk digunakan syarikat bekalan air di seluruh negara.

“Sistem digunakan berasaskan mekanisme tekanan air dalam sistem perpaipan. Isyarat diperolehi melalui penerima (sensor) diletakkan pada pili bomba dianalisis menggunakan kaedah dibangunkan kami sendiri bagi mengenal pasti lokasi kebocoran,” katanya ketika ditemui di UMP Kampus Pekan, semalam.